

UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DI UPACARA MEMBUKA RASMI BANGUNAN BARU MARA  
PADA 10 MAC 1967

---

**Tuan Pengerusi,  
Tuan-tuan yang hadir sekalian:**

**S**aya amatlah sukacita bagi pihak Kerajaan Perikatan dan bagi pihak MARA mengalu-alukan kedatangan tuan-tuan sekalian ke upacara yang besar maknanya pada petang ini.

Tujuan menjemput tuan-tuan sekalian hadir di sini dan juga berada selama beberapa hari di Ibu Kota ini, ialah supaya tuan-tuan dapat melihat sendiri akan usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk menolong rakyat yang miskin dan mundur, terutama sekali yang duduk di kampung-kampung supaya dapat memperbaiki taraf hidup mereka dan dapat mengambil bahagian yang lebih besar dan luas lagi dalam lapangan perniagaan dan perusahaan.

Semenjak tuan-tuan sekalian sampai di Ibu Kota 2 hari yang lalu sehingga hari ini datang ke sini, tuan-tuan sekalian dapatlah melihat dan memperhatikan segala usaha yang sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan dalam semua lapangan untuk hendak memajukan negara kita Malaysia, untuk hendak mengisikan Kemerdekaan yang telah kita capai, dan untuk hendak memberi tempat yang sempurna kepada tiap-tiap orang rakyat di negara kita ini. Usaha-usaha ini telah berjalan beberapa tahun yang lalu, 6 atau 7 tahun, semenjak Kerajaan melancarkan Rancangan Pembangunan Luar Bandar secara besar-besaran dan telah banyaklah perubahan-perubahan yang telah dapat dicapai di kampung-kampung dan juga di bandar-bandar. Boleh dikatakan tiap-tiap orang rakyat di negara kita ini telah dapat menerima sedikit sebanyak nikmat-nikmat daripada rancangan-rancangan kemajuan.

Sekarang, Kerajaan adalah berazam hendak meneruskan rancangan-rancangannya, hendak memperkuatkan lagi usaha-usahanya dalam lapangan yang penting ini supaya cita-cita dan hasrat rakyat yang berkehendakkan kepada taraf hidup yang lebih sempurna dan bahagia lagi, akan dapat dicapai dengan sempurna. Saya harap dalam masa tuan-tuan berada di Ibu Kota ini, tuan-tuan dapat sebenar-benarnya memahami dengan sedalam-dalamnya bahawa pihak Kerajaan menerusi berbagai pejabat-pejabat dan perbadanan-perbadanan hendak memperbaiki keadaan hidup rakyat adalah

berjalan dengan teratur dan dengan sempurna, dengan azam yang penuh.

Oleh sebab MARA ini adalah sebuah perbadanan bagi menjalankan kehendak dan hasrat rakyat bagi faedah rakyat sendiri, maka pada hari yang berbahagi'a dan bersejarah bagi MARA ini, wakil-wakil rakyat dari kampung-kampung iaitu tuan-tuan sekalian sebagai ketua-ketua di peringkat kampung telah dijemput nadir bersama-sama di sini di temasya ini, sebagai tetamu khas kepada MARA. Tuan-tuan sekalian pada hari ini mengambil tempat Menteri-menteri dan orang-orang kenamaan yang biasa dijemput hadir di temasya semacam ini. Ini adalah menunjukkan bahawa di dalam usaha-usaha Kerajaan dan MARA hendak meninggikan taraf hidup rakyat, hendak memberi peluang-peluang yang lebih luas kepada rakyat dalam lapangan iktisad, ketua-ketua di peringkat kampung seperti tuan-tuan sekalian, adalah mempunyai peranan yang sangat penting peranan yang sama-sama mustahaknya seperti peranan yang dijalankan oleh Menteri-menteri, wakil-wakil rakyat dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan. Sama ada jaya atau tidaknya usaha-usaha untuk memberi peluang-peluang yang lebih luas kepada rakyat dalam lapangan iktisad bagi rakyat mendapatkan taraf hidup yang lebih tinggi dan lebih sempurna bergantunglah kepada usaha-usaha dan tenaga yang tuan-tuan sekalian dapat keluarkan dalam lapangan ini. Kesimpulannya: kejayaan dalam lapangan yang penting ini bergantunglah kepada usaha dan kerjasama tuan-tuan sekalian dan rakyat jelata seluruhnya yang berkehendakkan faedah-faedah dan nikmat-nikmat daripada rancangan kemajuan ini.

Inilah perubahan-perubahan yang sebenarnya saya kehendaki iaitu perubahan perasaan, perubahan semangat, perubahan cara menghadapi kehidupan hari-hari hendaklah tiap-tiap orang berfikir dan faham bahawa tanggungjawab mereka itu sendiri terutama sekali jabatan-jabatan Kerajaan, perbadanan-perbadanan seperti MARA, Bank Bumiputera, FAMA, Lembaga Kemajuan Tanah dan lain-lain hanya boleh memberi peluang dan pertolongan-pertolongan hanya dengan adanya kerjasama dan perkongsian sepenuh-penuhnya di antara rakyat dengan pihak kerajaan dapat kejayaan yang dicita-cita oleh rakyat itu dihasilkan dan dapat kemajuan yang dicita-cita itu dicapai dengan sempurna. Inilah perubahan fikiran dan pandangan yang sebenarnya yang dikehendaki. Inilah pesanan yang besar sekali yang saya harap akan dipanjangkan kepada tiap-tiap orang di kampung-kampung, saudara-saudara dan sahabat handai sekalian supaya dengan perasaan yang baru, dengan semangat dan keazaman yang baru itu, dapatlah sebenar-benarnya kita mencapai cita-cita yang kita kehendaki dalam lapangan memperbaiki keadaan hidup rakyat dan memperkuat iktisad rakyat.

Hari ini ialah “Hari MARA”. MARA adalah mempunyai tugas-tugas yang penting dalam usaha-usaha Kerajaan hendak meninggikan taraf hidup rakyat di luar bandar. MARA adalah dikehendaki menjalankan usaha-usaha dalam lapangan ini selain daripada usaha-usaha yang telah pun dijalankan oleh Kerajaan dan yang sedang dijalankan di dalam rancangan pembangunan negara, seperti mengadakan sekolah-sekolah, kemudahan-kemudahan kesihatan, taliair, kemudahan-kemudahan masyarakat, jalanraya, rancangan-rancangan tanah dan beratus-ratus bahkan beribu-ribu rancangan-rancangan yang lain.

Tugas MARA yang penting ialah menjadi “agen” atau “pemegang amanah rakyat” untuk hendak menolong ahli-ahli bumiputera supaya dapat mengambil bahagian yang lebih besar dan lebih luas lagi dalam lapangan perniagaan dan perusahaan; hendak mengadakan kemudahan-kemudahan bagi memberi latihan kepada ahli-ahli bumiputera supaya mereka itu dapat menjalankan usaha-usaha dan mengambil bahagian dalam lapangan perusahaan dan perniagaan baik di bandar-bandar mahupun di luar bandar; mengadakan kemudahan-kemudahan kenderaan dengan menjalankan perkhidmatan bas di kawasan-kawasan luar bandar; menolong dan memberi nasihat kepada ahli-ahli bumiputera termasuklah kontrektor-kontrektor dan pemborong-pemborong dan ahli-ahli perniagaan yang lain melalui Bahagian Perkhidmatan Nasihat dan lagi tugas MARA ialah hendak mengadakan bantuan wang kepada ahli-ahli perniagaan bumiputera supaya mereka dapat mempunyai modal untuk hendak menjalankan perniagaan masing-masing.

Untuk hendak menjalankan tugas ini, MARA adalah dibahagikan kepada beberapa bahagian:

- Bahagian Kenderaan;
- Bahagian Pinjaman;
- Bahagian Khidmat Penasihat;
- Bahagian Latihan;
- Bahagian Perdagangan & Perusahaan;
- Bahagian Kewangan dan Kira-kira, dan
- Bahagian Pentadbiran.

Saya amat sukacita iaitu semenjak MARA ini ditubuhkan setahun setengah dahulu, banyak kejayaan telah dicapai oleh MARA dalam menjalankan tugas-tugasnya.

*Bahagian Kenderaan:* MARA telah dapat mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan bas kepada beberapa tempat di Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Kerajaan dan di beberapa kawasan yang baru yang dahulunya tidak mempunyai jalanraya dan tidak mempunyai kenderaan. Pada masa ini MARA mempunyai tidak

kurang dari 375 buah bas yang sedang menjalankan perkhidmatan di luar bandar meliputi jalanraya sepanjang lebih dari 1,000 batu.

Bahagian Latihan: MARA telah mengadakan tidak kurang daripada 362 'scholarship' untuk bumiputera yang sekarang sedang mendapat faedah-faedah daripada 'scholarship-scholarship' ini untuk menerima pelajaran tinggi, baik di Malaysia ataupun di seberang laut. Tujuan latihan ini ialah supaya mereka itu dapat mengambil tempat yang sempurna dalam usaha-usaha kemajuan dan iktisad di negara kita. Bilangan 'scholarship' ini akan ditambah dari setahun ke setahun.

Dan lagi lapangan latihan di Maktab MARA, Petaling Jaya telah diperbesar. Pada tahun ini bilangan penuntut-penuntut telah meningkat kepada 556 orang. Sekarang persediaan sedang dijalankan untuk hendak melipatgandakan bilangan penuntut-penuntut pada tahun hadapan dan kemudian daripada itu bila bangunan Maktab yang baru dapat didirikan di Batu 3 Jalan Klang MARA berharap dapat memberi latihan kepada lebih kurang 3,000 orang penuntut. Kelas-kelas istimewa akan diadakan bagi H.S.C., terutama sekali dalam lapangan sains supaya ahli-ahli bumiputera dapat mengambil bahagian yang sempurna di dalam dunia yang moden dan yang telah mempunyai banyak kemajuan ini.

Selain daripada Maktab MARA, ada beberapa latihan-latihan perniagaan dan perusahaan (vocational training) yang sedang dijalankan, umpamanya, dalam bahagian motor mekanik, bahagian perusahaan hotel dan restoran bagi kontraktor-kontraktor dan juga lapangan-lapangan perniagaan dan perusahaan yang lain.

*Bahagian Pinjaman:* Berkenaan dengan Bahagian Pinjaman Wang ini, bahagian ini telah mengeluarkan pinjaman lebih kurang RM34 juta di samping pinjaman ini MARA telah juga memberi nasihat dan bantuan teknik untuk menjamin usaha-usaha yang dijalankan oleh bumiputera itu akan mendapat kejayaan yang sepenuh-penuhnya. Bersama-sama dengan rancangan pinjaman wang ini, MARA telah juga memberi nasihat dalam lapangan mengelola dan menjalankan perniagaan 'book keeping', 'marketing' atau pasaran dan MARA sedang mengambil pegawai-pegawai yang mempunyai pengalaman dalam lapangan ini supaya dapat dihantar ke kawasan-kawasan di luar bandar untuk menjalankan tugas mereka itu.

**Bahagian Perniagaan dan Perusahaan:** Dalam lapangan perniagaan dan perusahaan, MARA adalah memberi tempat-tempat kepada Bumiputera supaya dapat menjalankan perniagaan di bandar-bandar dengan mengadakan kedai-kedai dan juga bazar-bazar supaya ahli-ahli bumiputera yang sebenar-benarnya mempunyai keazaman hendak menjalankan perniagaan dapat tempat yang

sempurna bagi menjalankan perniagaan-perniagaan mereka itu. Begitu juga MARA ada menjalankan perusahaan bersama atau "joint venture system", umpamanya, perusahaan hendak mengeluarkan kayu balak di kawasan Jengka; hendak mengadakan perusahaan kulit dan perusahaan membuat kertas. Perusahaan-perusahaan ini perusahaan besar dan rancangan ini ialah MARA sebagai mewakili bumiputera negara kita ini mengadakan kerjasama dengan badan-badan yang lain sama ada pemodal dari luar ataupun dalam negeri. Ini adalah satu jalan bagi membolehkan ahli-ahli bumiputera mengambil bahagian di dalam perusahaan-perusahaan yang besar di negara kita ini. Selain daripada itu MARA telah mengadakan satu rancangan menanam modal dengan mengadakan "Unit Trust" iaitu rancangan membeli saham daripada perusahaan-perusahaan besar di negara kita ini bagi pihak ahli-ahli bumiputera yang berkehendakkan saham-saham ini dan dengan adanya cara "Unit Trust" ini maka dapatlah ahli-ahli bumiputera itu menerima keuntungan-keuntungan dan saham-saham itu terselamat.

Tuan-tuan sekalian, nyatalah daripada contoh yang saya sebutkan ini, MARA adalah mengambil bahagian yang penting dan menjalankan apa juga usaha yang patut untuk hendak menolong bumiputera dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Akan tetapi, tuan-tuan sekalian, saya suka menegaskan di sini bahawa MARA tidak dapat hendak menolong ahli-ahli bumiputera yang hendak menjalankan perusahaan dalam lapangan perniagaan dan iktisad, melainkan mereka-mereka yang berkehendakkan bantuan itu dapat menjalankan usaha dan memikul dengan sepenuh-penuhnya tanggungjawab bagi menjalankan perusahaan-perusahaan itu. Ini adalah bermakna bahawa MARA mustahak mendapat kerjasama daripada ahli-ahli bumiputera dan tugas-tugas MARA ialah hendak mengadakan perkongsian dengan ahli-ahli bumiputera - perkongsian di antara tuan-tuan sebelah pihak dan MARA sebelah pihak lagi. Dengan adanya usaha-usaha yang tuan-tuan dan rakyat negeri ini berani curahkan dalam lapangan perusahaan masing-masing dan dengan nasihat dan pertolongan dari MARA maka kejayaan dapat dicapai dalam lapangan-lapangan yang kita kehendaki itu. Kita tidak boleh berharap kepada kejayaan dalam usaha-usaha kita, melainkan kita sendiri berani mencurahkan usaha dan tenaga kita sendiri. Nasihat dan pertolongan daripada MARA baik pertolongan wang mahupun pertolongan-pertolongan yang lain, tidak boleh menjamin kejayaan dalam perusahaan dan perniagaan seseorang itu, melainkan orang itu sendiri berani memberi kerjasama yang sewajarnya, mengeluarkan usaha dan tenaga dan menunjukkan keazaman hendak menjayakan perusahaannya.

Tuan-tuan sekalian, dalam beberapa tahun yang lalu, seperti saya katakan tadi, Kerajaan Perikatan telah melancarkan rancangan-rancangan pembangunannya dengan jaya dan telah mengadakan perubahan-perubahan dan kemjuan-kemajuan yang banyak di seluruh negara kita ini. Kerajaan Perikatan telah berjaya membawa kemudahan-kemudahan hidup dan kemajuan-kemajuan yang kita tidak dapat mimpikan dalam masa sebelum merdeka dahulu, seperti sekolah-sekolah, kemudahan-kemudahan kesihatan, jalanraya-jalanraya, bekalan-bekalan air, rancangan-rancangan tanah, Masjid-masjid, Surau-surau dan sebagainya. Semua rancangan-rancangan ini telah dijalankan dengan jayanya dan tuan-tuan dan rakyat negeri ini telah dapat menerima nikmat-nikmat daripada rancangan-rancangan ini.

Akan tetapi Rancangan ini tidak akan memberi faedah, melainkan kita semua - tuan-tuan dan rakyat negeri ini berani menimbulkan semangat atau jiwa pembangunan iaitu semangat dan jiwa berani berusaha dan bertenaga, semangat yang Kerajaan kehendaki dalam Gerakan Maju yang sedang dilancarkan di negara kita ini. Kita sebagai satu bangsa merdeka tidak boleh mendapat kemajuan semata-mata dengan adanya jalanraya dan dengan adanya sekolah-sekolah. Kita hanya boleh mendapatkan kemajuan dengan usaha dan tenaga kita, dengan keazaman rakyat negeri ini semua. Inilah semangat yang dikehendaki dalam Gerakan Maju. Inilah pertukaran fikiran yang jauh iaitu tiap-tiap orang rakyat negeri ini melipat gandakan usaha-usaha mereka dalam menjalankan rancangan-rancangan kemajuan dan perusahaan yang mereka itu kehendaki.

Bangunan MARA yang besar dan indah ini ialah penuh dengan semangat Gerakan Maju, semangat gerakan MARA, semangat gerakan bumiputera. Dalam bangunan ini ada penuh dengan rancangan-rancangan, penuh dengan cita-cita yang baik, penuh dengan usaha-usaha yang jujur dan ikhlas untuk hendak menolong rakyat dan ahli-ahli bumiputera, untuk hendak memperbaiki keadaan hidup mereka itu. Akan tetapi bangunan ini bukanlah didirikan untuk ahli-ahli bumiputera datang kemari berlindung, berhenti rehat atau semata-mata hendak minum atau makan di restoran yang ada di sini dan memandang kepada kemajuan-kemajuan yang sedang berjalan di sekeliling bangunan ini. Bangunan MARA ini didirikan ialah dengan kehendak MARA yang telah ditubuhkan dengan satu tujuan sahaja iaitu membolehkan rakyat negeri ini dan ahli-ahli bumiputera berdiri di atas kakinya sendiri supaya mereka itu berbangga yang mereka itu telah menjalankan rancangan-rancangan untuk memperbaiki keadaan hidup mereka itu dan mereka itu telah dapat mencapai cita-cita dan

hasrat mereka itu untuk hendak mempunyai satu taraf hidup yang sempurna dan yang sesuai dengan negara kita yang merdeka.

Dengan sebab itu pesan saya kepada tuan-tuan pada hari ini ialah bila tuan-tuan balik ke kampung masing-masing supaya memanjangkan kepada sahabat-sahabat dan saudara-saudara kita di kampung-kampung bahawa MARA ini ialah dipunyai oleh tuan-tuan sekalian, dipunyai oleh bumiputera sekalian. MARA ini sedia hendak memberi pertolongan dalam semua lapangan, lapangan latihan, lapangan latihan perniagaan, lapangan mendirikan perusahaan dan sebagainya yang dikehendaki oleh bumiputera. Akan tetapi saya harap tuan-tuan dan ahli-ahli bumiputera sekalian yang sentiasa ingat dan berfikir bahawa usaha dan kemudahan-kemudahan yang diberi oleh MARA itu tidak akan berguna kepada tuan-tuan sekalian, melainkan tuan-tuan sekalian menggunakan usaha-usaha dan tenaga sendiri, akal fikiran dan tulang urat sendiri dan menunjukkan keazaman yang penuh untuk hendak menjalankan perusahaan masing-masing. Hanyalah dengan adanya kerjasama di antara kedua pihak antara pihak rakyat dengan pihak MARA barulah kehasilan akan dapat tercapai. Kalau tidak ada semangat dan keazaman hendak berusaha hendak menjayakan perusahaan, bagaimana banyak pertolongan teknik diberi, bagaimana banyak bantuan pun diberi, bagaimana banyak wang diberi, bagaimana banyak nasihat diberi, tidak akan mendatangkan hasil dan tidak akan memberi faedah kepada rakyat sekalian. Dengan sebab itulah perkara yang penting bagi kita ialah menanam, menimbul dan menyalakan semangat Gerakan Maju, semangat pembangunan, semangat dan keazaman yang berani berusaha dan bertenaga untuk memperbaiki keadaan hidup kita sekalian. Inilah dia seruan saya kepada tuan-tuan pada hari yang berbahagia ini.

Sekian sahaja, saya ucapkan tuan-tuan sekalian Selamat Balik ke kampung masing-masing dan Selamat Maju Jaya kepada MARA, mudah-mudahan Allah s.w.t. akan menyertai cita-cita kita yang murni - daripada pihak Kerajaan dan rakyat - untuk hendak memperbaiki keadaan hidup penduduk-penduduk negara kita ini dan menjadikan Malaysia ini sebuah negara yang maju, aman dan makmur.

Terima kasih.